

Kebanyakan orang India dan orang Asia Tenggara mencampurkan Moringa dalam masakan harian mereka bagi melawan masalah kekurangan nutrisi dan mengelakkan diri daripada jatuh sakit. Moringa ialah sejenis pokok yang tahan kemarau, di mana ia mampu membesar secara cepat walaupun di dalam keadaan yang kering. Oleh itu, kebanyakan orang menamakannya pokok ajaib yang kini cukup terkenal di seluruh dunia.

Moringa dianggap sebagai makanan yang sangat berkhasiat bagi penduduk Afrika dan pokok ini sering dikenali sebagai pokok ajaib. Ia membesar dengan sangat cepat dan semakin banyak penduduk yang menggunakan Moringa. Selain daripada terkenal dengan sumber nutrisi yang bagus, ia juga sering digunakan untuk tujuan perubatan dan pembersihan.



Cara-Cara untuk Menggunakan:
Campurkan 1 paket ke dalam 150mL – 200mL air, kacau dan minum.

Bahan Utama Bagi Produk Neusou



Acai Berry

Anthocyanin yang terdapat dalam buah acai berry adalah sangat banyak. Ia merupakan enzim anti-pengoksidaan terhebat yang mana dapat membersihkan radikal bebas.



Sea Buckthorns

Sea Buckthorns amat kaya dengan nutrien. Menurut ujian yang telah dijalankan ke atas buah ini, ia mengandungi pelbagai jenis vitamin, asid lemak, unsur kesan, asid linoleik, flavone seabuckthorn, superoksida dan bahan-bahan aktif yang lain, ini termasuk pelbagai asid amino yang penting untuk tubuh manusia.




Ekstrak Biji Anggur

Ekstrak biji anggur adalah proanthocyanidines diekstrak daripada biji anggur merah yang kemudiannya ditapis untuk membentuk Oligomeric Proanthocyanidines atau singkatannya OPCs.



Enzim Buah-Buahan

Enzim buah-buahan meningkatkan penghadaman, detoksifikasi (perkumuhan), meningkatkan metabolisme, menguatkan sistem imunisasi, keadaan fizikal yang lebih baik dan menggalakkan anti-penuaan.



Multi-mineral Pelbagai Mineral

Campuran mineral menyeluruh yang mengandungi kalsium, zat besi, zink, tembaga, mangan, magnesium, kromium dan 10 jenis lain-lain mineral.

Manfaat lain termasuk meningkatkan metabolisme, pengawalan fungsi fisiologi dan sebagainya.



Milk Thistle

Seluruh tumbuhan ini digunakan dalam merawat neoplasma dan erisipelas (jangkitan bakteria kulit). Buah ini dan ekstraknya digunakan dalam merawat penyakit hati dan limpa, batu karang, penyakit kuning dan batuk yang kronik. Ia mengurangkan kepanasan badan yang berlebihan, menyahtoksin badan, menyihatkan hati, membantu pundi hempedu, menguatkan ketajaman minda dan mempunyai ciri-ciri anti-sinaran X.



Hawthorn

Ia digunakan dalam mengembangkan saluran darah koronari, mengurangkan tekanan darah dan kolesterol dalam darah serta memperbaiki dinding miokardium.



Maquiberry

Bertajuk "anti-oksida yang paling premium di dunia", pati anti-oksida pekat yang sangat kuat dibuat daripada Maquiberry yang mempunyai ciri-ciri anti -oksida yang 4 kali ganda lebih kuat daripada blueberry. Pati Berry yang telah dibeku-kering yang dibuat pekat dan kemudian diekstrak halus amat berkesan dalam melawan kesan pengoksidaan sel yang disebabkan oleh radikal bebas. Dapat merangsang sel-sel organ untuk memperbaiki dan memulihkan, sekali gus membolehkan organ-organ badan lebih muda dan sihat.

Bahan-bahan

Moringa Oleifera, Buckthorn Laut, Beri Acai, Enzim Buah-Buahan, Campuran Mineral, Campuran Vitamin, Beri Maqui, Manggis, Beri Goji, Ceri Acerola, Beri Hawthorn, Asam Blanda, Delima, Teh Hijau, Tomato, Blueberi, Kranberi, Biji Anggur, Ubi Bit Merah, Ekstrak Epal, Pokok Melaka, Milk Thistle, Bunga Tahi Ayam, Haematococcus Pluvialis, Fruktu-oligosakarida, Psyllium Husk, Alga Biru Hijau, Bunga Sakura, Perasa Buah-Buahan, Fruktos, Stevia, Mengandungi perasa makanan yang dibenarkan.

iNetwork

Intelligent. Innovative. Infinity

Imported & Distributed in Malaysia by:

iNetwork2u (M) Sdn. Bhd. (1178377-K)

Wisma 1 Alliance, 3A-A, No. 1, Lorong Kasawari 4B, Taman Eng Ann, 41150 Klang, Selangor, Malaysia.

Imported & Distributed in Singapore by:

iNetwork (S) Pte Ltd

Blk 632, Bedok Reservoir Road #01-820, Singapore 470632



Like us on Facebook

www.facebook.com/inetwork2u

www.i-network2u.com

iNetwork

Intelligent. Innovative. Infinity



Sebutir Permata Botani~ Moringa

Moringa oleifera atau lebih dikenali sebagai "Pokok Drumstick" berasal dari India merupakan pokok tropika kecil yang berkembang pesat. Terdapat 14 spesies Moringa yang diketahui diseluruh dunia.

- Di India, pohon ini dikenali sebagai "Pohon Ajaib" atau "Pohon Kehidupan."
- Di Afrika, mereka memanggilnya "Susu Orang Miskin."
- Di Filipina, mereka memanggilnya "Rakan Ibu Yang Terbaik."
- Organisasi Kesihatan Sedunia menggelarnya "Kit Pertolongan Cemas."



nutracellx™
Neusou

Kajian Perubatan Menunjukkan:

Moringa telah digunakan secara meluas sebagai herba tradisional oleh orang di Asia, Afrika dan bahagian tropika di Amerika. Di India, daun Moringa digunakan untuk merawat demam panas, sakit tekak, sakit mata dan telinga, gusi berdarah dan ulcer. Jus daripada daun Moringa boleh digunakan untuk menstabilkan tekanan darah dan dapat merawat kebimbangan yang berlebihan. Orang di Senegal menggunakan jus daun Moringa untuk mengawal kadar glukosa di dalam badan pesakit diabetes dan di lain-lain tempat seperti Nicaragua, Guatemala dan Senegal, daun pes Moringa digunakan untuk merawat penyakit kulit.

Kajian menunjukkan bahawa Moringa mempunyai pelbagai mineral dan vitamin, 20 jenis Amino Acid (protein), 46 jenis anti-oksida, dan 36 jenis mineral semula jadi.



Moringa

36 Jenis Mineral Semula Jadi

20 Jenis Asid Amino (protein)

46 Jenis Anti-oksida

3 Kali Lebih Zat Besi daripada Bayam

Setiap 100g Moringa mengandungi 700mg Zat Besi. Zat Besi merupakan sumber asas pertumbuhan sel darah merah di mana sel darah merah ialah mekanisme utama untuk pengangkutan oksigen ke dalam badan dan penghapusan karbon dioksida daripada badan.

2 Kali Lebih Protein daripada Susu Lembu

Setiap 100g Moringa mengandungi 27.1g protein. Protein ialah unsur asas dalam kehidupan dan penting untuk sel-sel kulit bagi melawan sinaran UV yang boleh membahayakan kulit.

3 Kali Lebih Kalium daripada Pisang

Setiap 100g Moringa mengandungi 1324mg Kalium. Kalium dapat mengawal penyesuaian sel dan pengimbangan kadar pH badan serta pertumbuhan semula sel oleh pemangkin protein.

4 Kali Lebih Kalsium daripada Susu Lembu

Setiap 100g Moringa mengandungi 200mg Kalsium. Kalsium ialah sumber asas untuk pembrebaran tulang, gigi dan unsur bukan organik yang utama. Mekanisma pembekuan darah dan mekanisme penyusutan bayi memerlukan Kalsium untuk berfungsi secara normal.

7 Kali Lebih Vitamin C daripada Buah Oren

Setiap 100g Moringa mengandungi 200mg Vitamin C. Vitamin C merupakan anti-oksida semula jadi dan ia membantu sel-sel kulit melawan sinaran UV.

4 Kali Lebih Vitamin A daripada Lobak Merah

Setiap 100g Moringa mengandungi 16.3mg Vitamin A. Vitamin A membantu mengelakkan rabun malam dan penglihatan yang kabur serta penting untuk melawan sebarang jenis penyakit yang berkaitan dengan mata. Ia juga merupakan agen anti-penuaan dan membantu meningkatkan kadar metabolisma, pertumbuhan semula kulit, memberikan kompleks kulit yang lebih cerah dan menghapuskan kedutan.

Memanaskan Badan

Moringa mampu memanaskan badan, mengaktifkan enzim, meningkatkan kadar metabolisma dan bilangan sel darah putih di dalam badan. Ini dapat menguatkan sistem pertahanan badan terhadap penyakit dan mengurangkan sakit-sakit yang sering dialami seperti letih, mengantuk, ketegangan bahu, migrain dan lumbago iaitu kesakitan yang dialami di bahagian belakang. Pemanasan badan yang dilakukan oleh Moringa dapat mencegah penyakit-penyakit ini daripada menyerang sistem dalam badan.

Pembersihan Usus

Sembelit boleh menyebabkan proses penyerapan nutrien tersumbat, dan memberi tekanan kepada villi (rerambut) di dalam usus serta mengurangkan kemampuan dan fleksibiliti usus. Jika seseorang sering mengalami masalah usus tersumbat, tidak kira apa sahaja makanan berkhasiat yang dia ambil, nutrien tersebut tidak dapat diserap oleh badan dengan berkesan dan kadang-kadang badan langsung tidak dapat menyerap walaupun sebanyak 20% daripada nutrien tersebut.

Anti-Oksida

Moringa mempunyai jumlah anti-oksida yang baik di mana ia boleh menghapuskan radikal bebas. Merokok, pengambilan alkohol secara berlebihan, sinaran UV, makanan berlemak, makanan bergoreng dan berminyak, racun perosak yang digunakan di dalam pertanian serta stres atau tekanan merupakan punca radikal bebas. Radikal bebas ialah punca utama penuaan, kulit kelimat, kedutan dan rambut yang memutih. Penghapusan radikal bebas adalah penting untuk menjalani kehidupan yang sihat.

Menguatkan Sel

Moringa mampu menguatkan sel di dalam badan, memangkin pertumbuhan sel, dan memberi kompleks kulit yang cerah dan menegangkan kulit. Ia juga boleh menyegarkan badan, meningkatkan kualiti seksual dalam kehidupan dan awet muda.

Melindungi Hati

Hati- sejenis organ yang mengawal perjalanan darah, cecair dan Qi di dalam badan bagi memastikan pengaliran yang lancar di dalam badan iaitu sangat penting untuk kesihatan seseorang. Hati ialah sejenis organ penyahtoksikan yang sangat penting di mana ia mempunyai fungsi sebagai sistem penyerapan nutrisi untuk menyuburkan setiap organ di dalam badan. Sekiranya hati tidak berfungsi dengan normal, ia akan menyebabkan ketidakseimbangan hormon dan perjalanan darah yang tidak normal dalam badan seseorang. Ini akan menyebabkan pelbagai jenis penyakit yang tidak diinginkan terutamanya buat wanita seperti sistem kitaran haid yang tidak teratur, areola yang membengkak, kanser serviks, ovari yang membengkak, pengurangan kemampuan seksual dan boleh memberi kesan kepada peluang untuk mengandung.

6 KEBAIKAN Neusou MORINGA

1. Merawat Kencing Manis (Diabetes)

Berdasarkan sistem perubatan tradisional Purba India, minyak biji Moringa digunakan untuk merawat kencing manis. Daun Moringa digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi tetapi di Senegal dan bahagian Afrika Barat, ia digunakan untuk merawat kencing manis.

2. Mengurangkan tekanan darah tinggi

Daun Moringa kaya dengan kalium dan ia membantu mengawal tabiat makan seseorang di mana dietnya tinggi dengan natrium. Diet yang tinggi dengan natrium boleh menyebabkan tekanan darah tinggi dan masalah ini dapat dielakkan dengan pengambilan diet yang tinggi dengan kandungan kalium.

3. Mengubati Anemia (kekurangan sel darah merah)

Daun Moringa dapat mengurangkan kadar kolesterol di dalam badan sebanyak 14.35%, kolesterol di dalam hati sebanyak 6.40% dan kolesterol di dalam buah pinggang sebanyak 11.09%. Ia juga dapat meningkatkan kadar serum protein sebanyak 15.22%.

4. Mengelakkan osteoporosis (tulang rapuh)

Pokok Moringa kaya dengan kalsium tumbuhan. Setiap 100g serbuk daun Moringa mengandungi sebanyak 1320mg kalsium. Dengan hanya 75g, ia dapat menyediakan sebanyak 1000mg kalsium yang diperlukan oleh seorang lelaki setiap hari dan dengan hanya 60g, ia dapat menyediakan sebanyak 800mg kalsium yang diperlukan oleh seorang wanita setiap hari. Pengambilan serbuk daun Moringa pada setiap hari dapat mengurangkan risiko menghadapi penyakit tulang rapuh (osteoporosis).

5. Mengawal hyperlipidemia (keadaan di mana kadar kolesterol di dalam badan adalah tinggi)

Daun Moringa dapat mengurangkan kadar kolesterol di dalam badan sebanyak 14.35%, kolesterol di dalam hati sebanyak 6.40% dan kolesterol di dalam buah pinggang sebanyak 11.09%. Ia juga dapat meningkatkan kadar serum protein sebanyak 15.22%.

6. Membantu mengurangkan berat badan

Ia mengandungi protein yang tinggi dan sifar lemak. Ia rendah lemak dan tinggi kalsium di mana ia akan mengurangkan lemak yang berada di dalam sel-sel. Apabila tenaga diperlukan, ia akan membakar lemak itu terlebih dahulu berbanding protein.